

**Ahli perniagaan pro Dr Mahathir menderma kepada pembangkang,
kata blog
The Malaysian Insider
August 5, 2015**

Ahli perniagaan yang pro Tun Dr Mahathir Mohamad didakwa memberikan wang kepada parti pembangkang pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13), menurut satu surat terbuka disiarkan sebuah laman blog Umno, ketika hangat diperkatakan mengenai derma RM2.6 bilion yang disumbangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Menurut surat di blog MyKMU.NET yang cenderung kepada Najib itu, pengkritik dalam Umno yang paling keras terhadap Najib, bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad 'memejamkan mata' kepada tindakan ahli perniagaan yang dilabelkan sebagai kroninya itu.

Surat itu mendakwa taikun Tan Sri Vincent Tan, yang diketahui rapat dengan Dr Mahathir, menyumbangkan RM400 juta kepada parti pembangkang di bawah gabungan Pakatan Rakyat (PR).

Hartawan lain yang dianggap rapat dengan Dr Mahathir, seperti Tan Sri Yeoh Tiong Lay dan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary, juga disyaki menghulurkan derma kepada PR yang kini tidak lagi berfungsi, kata penulis surat itu Amin Yatim. – 5 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-perniagaan-pro-dr-mahathir-menderma-kepada-pembangkang-kata-blog>